

## **HONG LEONG PETI DEPOSIT SELAMAT TERMA DAN SYARAT (“T&S”)**

### **1. Definisi**

“**Perjanjian**” merujuk kepada Terma dan Syarat bagi penyewaan Peti Deposit Selamat, yang mungkin akan dipinda pada bila-bila masa dari semasa ke semasa.

“**Sewa Tahunan**” merujuk kepada sewa yang dikenakan oleh HLB kepada Penyewa bagi penggunaan Peti Deposit Selamat pada kadar yang ditetapkan oleh HLB pada bila-bila masa dan dipinda dari semasa ke semasa.

“**HLB**” merujuk kepada Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) serta cawangannya yang menyediakan perkhidmatan Peti Deposit Selamat.

“**Peti Deposit**” merujuk kepada Peti Deposit Selamat yang dipersetujui untuk disewa oleh Penyewa.

“**Hari Perniagaan**” merujuk kepada hari apabila HLB dibuka untuk perniagaan di Semenanjung Malaysia, Sarawak atau Sabah, dan pada hari urusan yang berkaitan dengan Terma & Syarat ini dijalankan.

“**Penyewa**” merujuk kepada pelanggan yang menyewa Peti Deposit Selamat dan mana-mana pihak lain yang diberikan kuasa oleh Penyewa untuk menguruskan penyewaan dan untuk mengakses Peti Deposit Selamat.

“**Cukai**” ditakrifkan sebagai apa-apa pada masa kini atau masa hadapan, secara langsung atau tidak langsung, cukai Malaysia atau cukai asing, levi, cukai barangan import, duti, caj, bayaran, potongan atau penangguhan dalam apa-apa cara, yang ditetapkan oleh Badan Berkuasa, termasuk, tetapi tidak hanya terhad pada cukai perbelanjaan seperti cukai barangan dan perkhidmatan (“GST”) dan cukai-cukai lain tanpa mengira terma yang digunapakai, dan faedah, denda atau penalti.

“**Badan Berkuasa**” merujuk kepada kerajaan atau lembaga cukai.

- 2.** Bagi menyewa Peti Deposit, Penyewa dikehendaki untuk terlebih dahulu membayar Sewa Tahunan dan cukai (yang tidak akan dikembalikan apabila Penyewa menamatkan Perjanjian sebelum tamat tempoh penyewaan), beserta deposit kunci dan Penyewa harus bersetuju dengan Perjanjian ini. Sewa Tahunan dan Cukai perlu dibayar terlebih dahulu semasa pembaharuan Peti Deposit dilakukan pada setiap tahun dan diwajibkan bagi Penyewa untuk menetapkan arahan tetap (“SI”) untuk pembayaran Sewa Tahunan. HLB boleh menaikkan atau meminda Sewa Tahunan atas budi bicaranya dengan memberikan notis awal kepada Penyewa mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau mana-mana badan kawal selia yang lain.

3. Perjanjian ini tidak memberi penyewa kepentingan yang lebih luas daripada atau kepentingan lain selain kebenaran menggunakan peti dalam tempoh penyewaan bagi penyimpanan barangan yang sesuai menurut terma & syarat ini.
4. HLB tidak akan dianggap sebagai penjamin bagi kandungan peti atau mana-mana bahagiannya atau terjejas oleh apa-apa notis amanah atau ekuiti yang timbul daripada kandungan peti atau mana-mana bahagiannya, ataupun jenis dan nilai barangan yang disimpan di dalam peti. Jenis dan nilai kandungan tersebut tidak menjadi tanggungjawab HLB. Penyewa bersetuju bahawa kecuali dan selain dari yang dihad dan ditetapkan dalam Klausa 21, HLB tidak akan bertanggungjawab, dalam apa cara sekalipun terhadap penyewa bagi apa-apa kerugian, kerosakan atau kemusnahan kandungan peti walau macam mana pun, dan bahawa penyewa benar-benar maklum tentang had tanggungjawab HLB namun masih berhasrat menyewa peti tersebut.
5. Setiap peti mempunyai dua set kunci, iaitu kunci A yang akan disimpan oleh HLB dan kunci B yang akan diserahkan kepada penyewa setelah deposit kunci B dan sewa dibayar. Penyewa berjanji untuk menyimpan kunci B dengan selamat. Jika mana-mana kunci B hilang, dicuri atau tersalah letak, penyewa hendaklah segera melaporkannya kepada HLB dan HLB berhak untuk meminta penyewa memberi keterangan tentang kehilangan tersebut, dan atas permintaan penyewa mendapatkan kunci baharu bagi peti tersebut. Penyewa dikehendaki, apabila diberitahu oleh HLB, segera membayar balik kepada HLB apa-apa kerugian yang disebabkan oleh atau berpunca daripada kehilangan kunci B tersebut.
6. Penyewa mengaku janji tidak akan membuat atau mengarahkan dibuat sebarang pendua kekunci B bagi peti tersebut dalam apa jua keadaan. Penyewa tidak akan dibenarkan menyewakan peti atau mana-mana bahagiannya.
7. Hanya penyewa sahaja yang dibenarkan menggunakan peti tersebut. Penyewa atau, jika terdapat lebih daripada seorang, semua penyewa bersama boleh dengan apa cara sekalipun, membenarkan orang lain menggunakan petinya dengan mandat yang disahkan dalam borang HLB dan orang tersebut dengan ini dianggap mempunyai kuasa penuh penyewa atau penyewa bersama (Mengikut mana-mana yang berkenaan) untuk mengeluarkan atau sebaliknya menguruskan kandungan peti apabila kunci B ditunjukkan dan tandatangan disahkan mengikut kehendak HLB.
8. Bagi penyewa bersama, mereka semua boleh mengarahkan dan memberi kuasa kepada HLB :
  - i. Memberi izin kepada salah seorang penyewa bersama untuk menggunakan peti tersebut, atau
  - ii. Memberi izin kepada orang lain untuk menggunakan peti tersebut.

HLB boleh menerima kuasa tersebut menurut Klausa 8 (i) atau (ii) ("Mandat") sehingga (a) di ditarik balik oleh penyewa bersama, atau (b) ditamatkan oleh undang-undang. Jika salah seorang daripada penyewa bersama memberitahu HLB tentang berlakunya pertikaian di antara mereka. HLB boleh menganggap maklumat ini sebagai notis penamatan Mandat ini dan dalam hal ini, sebarang penggunaan peti selepas itu memerlukan arahan bertulis daripada semua penyewa bersama.

Apabila mandate memberi kuasa kepada salah orang penyewa bersama untuk menggunakan peti tersebut sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat 8 (i) di atas, maka adalah dipersetujui dengan nyatanya oleh semua penyewa bersama dalam perjanjian ini bahawa sehingga dan melainkan kebenaran tersebut ditamatkan, salah seorang penyewa bersama dibenarkan untuk;

- (a) mengendalikan kemudahan penyewaan ini menurut syarat yang dinyatakan dalam dokumen;
- (b) mempunyai akses bagi peti tersebut; dan
- (c) menguruskan kandungannya dalam apa jua cara; dan
- (d) mempunyai hak untuk menamatkan penyewaan menurut perjanjian ini, dan dalam kes yang terkemudian, adalah dipersetujui selanjutnya bahawa penamatan tersebut akan berkuat kuasa ke atas semua penyewa tanpa mengambil kira sama ada HLB telah menerima apa-apa pemberitahuan tentang salah seorang penyewa bersama atau tidak.

9. Atas permintaan penyewa, HLB boleh menurut budi bicara mutlaknya membenarkan;
- (i) penyewaan peti diubah daripada penyewa tunggal kepada bersama; atau
  - (ii) Penyewa tambahan dimasukkan ke dalam senarai penyewa bersama sedia ada.

Untuk syarat 9(i) diatas, seluruh kandungan peti milik penyewa tunggal akan menjadi harta bersama bagi penyewa bersama apabila penukaran dibuat dan HLB tidak akan terikat untuk mengiktiraf sebaliknya sama ada HLB mengetahui tentang perkara tersebut atau tidak. Semua obligasi dan tanggungan penyewa tunggal yang timbul daripada atau berhubung dengan penyewa peti, sama ada yang timbul sebelum, semasa atau selepas diubah kepada penyewaan bersama, akan ditanggung oleh setiap penyewa bersama secara bersama atau berasingan. Peruntukan ini juga terpakai dalam Klausula 9(ii) di atas.

10. Penyewa mewakili dan menjamin kepada Bank bahawa barang-barang yang disimpan dalam peti tersebut adalah dari sumber yang sah dan tidak melanggar Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau undang-undang serupa yang terpakai di bidang kuasa di mana barang diperolehi atau sebarang undang-undang cukai yang dikenakan oleh Penyewa.

11. Penyewa tidak boleh menggunakan atau membenarkan peti digunakan untuk menyimpan apa-apa cecair, bahan mudah rosak atau apa-apa barangan yang mempunyai ciri-ciri letupan, radioaktif, memudaratkan, nuklear, berbahaya, haram atau membawa kesan buruk atau boleh membawa kesan buruk pada jangka masa panjang atau dalam keadaan tertentu, atau apa-apa yang boleh mengganggu HLB. Penyewa akan, akan atas permintaannya, membenarkan HLB memeriksa kandungan peti untuk memastikan bahawa syarat ini dipatuhi, jika gagal dan HLB mengesyaki penyewa melanggar syarat ini, maka HLB membuka paksa peti tersebut, jika perlu, dalam hal ini HLB tidak akan bertanggungjawab keatas apa-apa kerosakan sama ada yang di akibatkan secara langsung atau sebaliknya dengan pembukaan peti secara paksa oleh HLB .

12. Penyewa boleh menggunakan peti pada bila-bila Hari Niaga dalam waktu niaga HLB setelah menandatangani slip penggunaan tetapi HLB tidak terikat untuk membenarkan penggunaan tersebut jika:
- (a) tandatangan penyewa tidak disahkan mengikut kehendak HLB;
  - (b) sewa menjadi tertunggak dan tidak dibayar (melainkan dan sehingga HLB menerima notis khusus tentang penamatan penyewaan tersebut);
  - (c) jika mana-mana jumlah menjadi terhutang dan perlu dibayar oleh penyewa di bawah Perjanjian ini;
  - (d) apa-apa sebab lain yang mungkin ditetapkan oleh HLB.

HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang timbul daripada keengganan HLB memberikan kebenaran untuk menggunakan peti mengikut Klausula 12 ini.

13. Jika HLB menamatkan Perjanjian ini menurut Klausula 13 ini, HLB berhak menerima hanya sebahagian daripada sewa sehingga tarikh tamat tempoh perjanjian, tertakluk walau bagaimanapun kepada syarat 13 dan 14 Perjanjian ini, dan jika sewa bagi tahun semasa telah dibayar oleh Penyewa, maka jumlah yang sebanding dengan baki jangka masa Perjanjian pada tarikh penamatan akan dikembalikan oleh HLB.
14. Apabila perjanjian ditamatkan oleh HLB atau penyewa, semua harta yang disimpan didalam peti hendaklah dikeluarkan dan kunci B dikembalikan kepada HLB. Penerimaan kunci B akan diperakui oleh HLB melalui pengembalian deposit kepada penyewa.
15. Jika kandungan peti tidak dikeluarkan atau jika kunci B tidak dikembalikan kepada HLB pada atau sebelum tarikh perjanjian ditamatkan oleh mana-mana pihak, maka penyewa akan bertanggungjawab untuk membayar kepada HLB dua kali ganda harga sewa tahunan peti, dari tarikh tamat tempoh hingga kandungan peti dikeluarkan dan kunci B dikembalikan kepada HLB.
16. Sekiranya kandungan peti tidak dikeluarkan atau jika kunci B tidak dikembalikan kepada HLB dalam tempoh satu tahun dari tarikh perjanjian ditamatkan, maka HLB berhak pada bila-bila masa kemudian dari itu untuk membuka paksa peti tersebut dan jika HLB menganggap wajar untuk membuka apa-apa bungkusan berpatri atau bekas terkedap yang terdapat di dalam peti dan membuka atau memecah apa-apa bekas berkunci tanpa bertanggungjawab keatas kerosakan yang diakibatkannya. Setelah membuka paksa peti seperti yang disebutkan di atas, HLB berhak untuk:
  - (a) menyerahkan kandungan peti melalui pos berdaftar atau kaedah lain yang munasabah, atas risiko penyewa di alamat yang dirujuk dalam Klausula 30; atau
  - (b) menyerahkan kandungan peti melalui pos berdaftar atau kaedah lain yang munasabah, atas risiko penyewa di alamat yang namanya mula-mula tertulis dalam senarai penyewa HLB peti tersebut, dalam hal penyewa bersama; or
  - (c) memilih untuk menyimpan kandungan tersebut di dalam peti tersebut atau mana-mana peti atau tempat lain seumpamanya yang difikirkan sesuai olehnya atas risiko penyewa.

Di mana pilihan (c) di bawah Klausula 16 ini dilaksanakan, HLB berhak mengenakan bayaran yang sama jumlahnya dengan dua kali ganda sewa tahunan perlu dibayar dibawah perjanjian ini untuk tempoh bermula dari tempoh perjanjian ditamatkan sehingga HLB menyerahkan kandungan peti kepada penyewa atau sehingga penyewa mengeluarkan kandungan peti, mana-mana yang lebih awal

17. HLB mempunyai lien atau hak ke atas kandungan peti bagi sewa tahunan, cukai dan semua bayaran yang penyewa mungkin bertanggungjawab untuk membayar kepada HLB menurut Perjanjian dan juga pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa selepas tamat tempoh lima (5) tahun selepas membuka paksa peti, menjual semua atau mana-mana kandungan peti dan menggunakan hasil bersihnya untuk menjelaskan bayaran yang perlu dibayar kepada HLB untuk sewa tahunan tersebut atau perbelanjaan seperti yang disebut diatas. Hasil jualan (jika ada) akan disimpan oleh HLB atas permintaan penyewa tanpa apa-apa tanggungan faedah bagi pihak HLB.
18. Sekiranya penyewa meninggal dunia, wakil diri sahnya yang mengemukakan perintah probet atau surat kuasa mentadbir, kunci B dan apa-apa dokumen lain yang berkaitan yang mungkin dikehendaki oleh HLB serta melengkapkan borang yang sepatutnya sebagaimana yang ditentukan oleh HLB boleh menggunakan dan membuka peti dan mengeluarkan semua kandungannya, dan langkah itu dengan sendirinya akan menamatkan perjanjian tersebut. HLB boleh, mengikut budi bicara mutlak dan tanpa bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian, sebelum perintah probet

atau surat kuasa mentadbir dikeluarkan, membenarkan mana-mana orang yang mendakwa berhak menguruskan harta pusaka penyewa yang meninggal dunia untuk membuka peti dan memeriksa kandungannya di hadapan pengawal HLB tetapi orang berkenaan tidak boleh mengeluarkan apa-apa kandungannya melainkan dengan mengemukakan apa-apa wasiat atau dokumen perwasiatan yang dengannya orang tersebut dilantik wasi.

19. Dalam hal penyewa bersama tanpa mengira faedah pengendalinya, adalah dipersetujui seperti berikut:

(a) **Sekiranya berlaku kematian salah seorang penyewa bersama, dengan pemberitahuan bertulis tentangnya telah diterima oleh HLB:**

HLB diberi kuasa untuk menerima kuasa bagi penyewa yang masih hidup atau mana-mana dari mereka (jika lebih dari satu) dan HLB boleh membenarkan penyewa yang masih hidup (semasa mengeluarkan kunci B) mengakses, dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyewa peti deposit (termasuk hak untuk mengeluarkan atau sebaliknya menguruskan kandungan dalam peti deposit dan / atau untuk menamatkan Perjanjian ini). HLB tidak terikat untuk membenarkan penyewa yang masih hidup menggunakan peti tersebut jika sewanya tertunggak dan tidak dibayar atau sejumlah wang terhutang dan perlu dibayar kepada HLB di bawah perjanjian ini, atau jika perintah mahkamah mengarahkan sebaliknya. Seterusnya disahkan bahawa dalam mematuhi syarat dalam perjanjian ini, HLB tidak akan bertanggungjawab mahupun menanggung apa jua tanggungan terhadap penyewa, wakil sah atau harta pusaka atau mana-mana orang atas kerugian, kerosakan atau kemusnahan kandungan peti walau bagaimanapun sekalipun ia terjadi.

(b) **Sekiranya berlaku kemuflihan salah satu Penyewa bersama:**

Akses ke peti akan ditangguhkan dengan notis bertulis kepada penyewa dan HLB hanya membenarkan akses ke peti tersebut dengan syarat penyewa memberikan arahan bertulis dari Ketua Pengarah Insolvensi / Jabatan Insolvensi Malaysia untuk membenarkan penyewa yang berkenaan, akses ke peti.

20. Walau dalam apa jua keadaan, HLB tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung dalam apa jua tahap bagi apa-apa kecuai tindakan peninggalan, kegagalan, kelewatan, kegagalan menghantar atau kesilapan menghantar atau bagi kerugian atau kerosakan apa-apa barangan, dokumen, objek atau item yang disimpan didalam peti yang disewa kepada penyewa walau bagaimana sekali pun ia terjadi sama ada HLB atau pekerjanya, kakitangan atau ejennya HLB tidak akan menanggung apa-apa kejadian (selain cara dan had yang ditetapkan dalam Syarat 21 dan 22) dipertanggungjawabkan atas apa-apa kerugian yang dialami oleh penyewa akibat kebakaran atau banjir rompak atau pecah masuk atau apa-apa jua sebab lain.

21. Sekiranya berlaku apa-apa kerosakan keatas peti dan/atau kerugian atau kerosakan keatas apa-apa barangan atau dokumen di dalam peti di bawah mana-mana keadaan yang ditentukan dalam Klausula 19 di atas, maka HLB akan segera memaklukkannya kepada penyewa. Penyewa dikehendaki memeriksa kandungan dengan segera. Jika peti penyewa tidak terjejas, penyewa hendaklan memberi pengesahan kepada HLB bahawa peti tersebut dalam keadaan baik.

22. Sekiranya berlaku:

(a) pecah masuk dan/atau rompak yang tidak diakibatkan oleh atau berpunca daripada ketidaksetiaan, penipuan, ketidakjujuran atau apa-apa tindakan salah yang lain, peninggalan

- atau perbuatan oleh pekerja, kakitangan atau ejen HLB (termasuk pelajar yang bekerja sementara atau dalam latihan) di cawangan HLB tempat peti diletakkan; dan
- (b) jika peti penyewa dibuka dan mengakibatkan kerugian, kerosakan, kemerosotan atau salah letak atau pemusnahan kandungan peti tersebut.

HLB tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan ke atas apa-apa data replikasi atau kos mewujudkan maklumat tersebut, penggantian kandungan, kerugian keuntungan atau pendapatan, kerugian kegunaan atau ekonomi atau secara langsung, tidak langsung, istimewa, secara kebetulan, akibatnya atau kerosakan yang serupa disebabkan oleh atau berkaitan dengan penyewaan peti deposit. Klausula ini akan terus berkuatkuasa walaupun dengan penamatan Perjanjian ini.

- 23.** Penyewa mengakui bahawa perlindungan insurans yang dibekalkan oleh HLB bagi setiap peti deposit hanya merangkumi kejadian pecah masuk dan rompakan sahaja dan tanggungan maksimum HLB berhubung dengan mana-mana kerugian, kerosakan atau kemusnahan tersebut disebabkan oleh pecah masuk dan rompakan walau dalam apa keadaan sekalipun tidak akan melebihi **Ringgit Malaysian Sepuluh Ribu (RM10,000.00)** bagi setiap peti. Penyewa hendaklah, atas permintaan HLB melengkapkan, melaksanakan dan mengembalikan kepada HLB penyata tuntutan dalam borang yang diberikan oleh HLB yang menyatakan kandungan peti tarikh pecah masuk dan/atau rompakan. HLB boleh atas budi bicara mutlakanya dan tertakluk kepada kelulusan syarikat insurans.:-
- i. Membayar Penyewa jumlah yang sama dengan kerugian sebenar yang ditanggung oleh Penyewa, jika kerugian sebenar yang ditanggung tidak melebihi **Ringgit Malaysian Sepuluh Ribu (RM10,000.00)** bagi setiap peti; atau
  - ii. Membayar Penyewa **Ringgit Malaysian Sepuluh Ribu (RM10,000.00)** sahaja bagi setiap peti, jika kerugian sebenar melebihi **Ringgit Malaysian Sepuluh Ribu (RM10,000.00)**.
- 24.** Penyewa memahami bahawa tiada perlindungan insurans yang dibekalkan oleh HLB bagi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, air atau apa-apa jua sebab lain. Penyewa mengesahkan bahawa HLB tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian dan kerosakan disebabkan.
- 25.** Sekiranya Penyewa memerlukan perlindungan insurans atau perlindungan insurans tambahan sama ada berkaitan dengan nilai barangan atau kemungkinan penyebab kerugian atau kerosakan untuk kandungan peti tersebut, Penyewa boleh mendapatkan perlindungan seumpamanya daripada syarikat insurans bebas dan tertakluk kepada terma dan syarat yang akan ditentukan antara syarikat insurans dengan Penyewa.
- 26.** Tertakluk kepada Klausula 19 (b) Perjanjian ini, sekiranya Penyewa mengalami kebangkrutan atau hilang keupayaan akibat hilang akal, maka perjanjian ini akan tamat dengan sendirinya tanpa notis dan sesudah itu Penyewa tidak lagi memiliki peti tersebut walaupun kunci B belum dikembalikan ke HLB.
- 27.** HLB berhak untuk menamatkan perkhidmatan peti deposit atau menolak/menangguhkan akses ke mana-mana peti deposit untuk tempoh atau jangka masa yang difikirkan sesuai oleh HLB dengan memberikan notis bertulis tidak kurang dari **satu (1)** bulan kepada Penyewa sekiranya ada satu atau lebih kejadian berikut berlaku dan tidak bertanggung atas sebarang kehilangan atau kerosakan akibat penutupan atau penolakan akses tersebut:

- (a) sekiranya terdapat perubahan dalam perlembagaan Penyewa, sama ada disebabkan oleh peristiwa kematian, peletakan jawatan, kebangkrutan, ketidakupayaan atau sebaliknya;
  - (b) sekiranya terdapat bukti pertikaian berkaitan dengan peti; atau
  - (c) HLB percaya atau mengesyaki bahawa peti itu digunakan untuk pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau aktiviti penipuan atau skim haram lain atau aktiviti yang melanggar mana-mana garis panduan atau peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa lain.
- 28.** Dengan ini dipersetujui bahawa HLB tidak memberikan jaminan atau jaminan tidak merangkumi keadaan atau keselamatan mana-mana bahagian premis yang menempatkan peti untuk digunakan untuk membolehkan peti digunakan.
- 29.** Penyewa dengan ini bersetuju untuk membuka akaun semasa/akaun semasa-i/akaun simpanan/akaun simpanan-i dengan HLB/HLISB (jika dikehendaki oleh HLB/HLISB dan jika akaun tersebut belum di buka pada masa ini) dan Penyewa dengan ini membenarkan HLB/HLISB mendebitkan akaun semasa/simpanannya untuk sewa tahunan, cukai dan deposit kunci apabila sewa dan deposit ini genap tempoh untuk dibayar dan perlu dibayar.
- 30.** Tambahan pada apa-apa lien umum yang HLB berhak keatasnya menurut undang-undang, HLB mempunyai sepenuh hak dan kuasa untuk menolak, dengan memberi notis bertulis kepada Penyewa satu bulan, semua tunggakan sewa tahunan dan/atau mana-mana jumlah yang terhutang dan perlu dibayar oleh Penyewa daripada baki kredit dalam mana-mana akaun simpanan/simpanan tetap/semasa yang dibuka oleh Penyewa dengan mana-mana cawangan HLB.
- 31.** Apa-apa notis yang perlu diserahkan di bawah Perjanjian ini oleh HLB kepada Penyewa hendaklah secara bertulis dan boleh diberikan dengan salah satu cara berikut;
- (a) dihantar melalui pos biasa atau berdaftar ke alamat terakhir Penyewa yang didaftarkan dengan HLB dan akan dianggap telah diterima oleh Penyewa dalam tempoh (3) hari perniagaan dari tarikh penghantaran jika dihantar melalui pos biasa atau berdaftar dan dalam masa dua (2) hari perniagaan dari penghantaran jika melalui kurier;
  - (b) melalui penghantaran peribadi, akan dianggap diterima oleh Penyewa setelah pengakuan penerimaan Penyewa; atau
  - (c) atau notis umum dalam surat khabar utama kebangsaan atau dihantar melalui pos di premis cawangan HLB tempat peti disewakan atau mana-mana kaedah lain yang dipilih oleh HLB dan notis tersebut dianggap mula berkuat kuasa dari tarikh notis atau tarikh yang dinyatakan dalam notis; atau
  - (d) dengan mengepos di laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau cara elektronik lain yang difikirkan sesuai oleh Bank, yang akan berkuat kuasa dari tarikh notis tersebut disediakan atau tarikh notis tersebut dinyatakan berkuatkuasa.
- 32.** Ia adalah tanggungjawab Penyewa untuk memastikan Bank sentiasa diberitahu mengenai alamat dan butiran kenalan lain yang terkini dari Penyewa.
- 33.** HLB boleh menamatkan perjanjian ini dengan memberi Penyewa **satu (1)** bulan notis secara bertulis tentang penamatan tersebut.

- 34.** HLB berhak untuk mengubah Sewa Tahunan, Deposit dan apa-apa fi dan caj tambahan lain yang berkenaan dengan peti deposit, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Penyewa menurut perundangan serta garis panduan Bank Negara Malaysia dan / atau pihak berkuasa pengawalseliaan lain yang berkaitan
- 35.** Jikalau penyewa dengan berdasarkan undang-undang perlu melakukan pemotongan atau penangguhan daripada sewa dan/atau apa-apa bayaran lain kepada HLB mengikut perjanjian ini, jumlah bayaran kepada HLB perlu dinaikkan bagi memastikan jmlah bayaran bersih yang diterima oleh HLB adalah sama dengan jumlah bayaran sebelum pemotongan atau penangguhan.
- 36.** Jikalau penyewa dengan berdasarkan undang-undang perlu melakukan pemotongan atau penangguhan daripada sewa tahunan dan/atau apa-apa bayaran lain kepada HLB mengikut perjanjian ini berkenaan dengan apa-apa Cukai atau sebaliknya, jumlah bayaran kepada HLB perlulah dinaikkan bagi memastikan jumlah bayaran bersih yang diterima oleh HLB adalah sama dengan jumlah bayaran sebelum pemotongan atau penangguhan.
- 37.** Selain daripada sewa dan apa-apa bayaran lain, Penyewa perlu membayar semua cukai yang relevan pada kadar yang ditetapkan dan/atau apa-apa jumlah yang ditetapkan oleh HLB untuk bayaran/liabiliti/kawajipan cukai, tanpa kekangan atau syarat serta tanpa pemotongan atau penangguhan. Perkara ini tidak termasuk yang berlandaskan undang-undang yang perlu dibayar terus oleh Penyewa kepada badan yang sewajarnya.
- 38.** Jikalau pada bila-bila masa penyelarasan telah atau perlu dilakukan di antara HLB dan lembaga cukai atas jumlah pembayaran cukai bagi penawaran perkhidmatan oleh HLB, penyelarasan ini bolh dilakukan atas budi bicara HLB di antara HLB dan Penyewa. Penyelarasan ini membolehkan tuntutan bayaran dikenakan bagi memastikan jumlah bayaran dapat dilaksanakan.
- 39.** Semua cukai yang perlu dibayar oleh Penyewa kepada HLB perlulah dibayar pada masa dan kaedah yang ditetapkan oleh HLB.
- 40.** Penyewa dengan ini bersetuju untuk melakukan semua perkara yang bersesuaian mengikut permintaan HLB bagi membolehkan HLB mematuhi segala kewajipan yang ditetapkan dibawah perlembagaan cukai. Jikalau cukai baru diperkenalkan dan cukai tersebut dikenakan pada transaksi mengikut perjanjian ini, Penyewa dengan ini bersetuju untuk memberikan kerjasama penuh kepada HLB dalam membantu HLB mematuhi kewajipan yang telah ditetapkan oleh undang-undang yang berkaitan.
- 41.** Bagi mengelak sebarang kesangsian, semua pihak bersetuju bahawa apa-apa jumlah pembayaran atau jumlah yang digunapakai dalam pengiraan jumlah pembayaran yang dinyatakan pada bahagian lain dalam perjanjian ini adalah tidak termasuk jumlah yang perlu ditambah bagi cukai.
- 42.** HLB berhak untuk menambah, mengubah, meminda atau membatalkan mana-mana atau semua terma dan syarat pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa menurut budi bicara mutlakny.